

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** Welcome Centre  
**Sent:** 26 Mei 2016 14:55  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** AUDIT ORGANISASI, AUDIT KENDIRI SASARAN UNIT AUDIT DALAM UUM - KUISAS



26 MEI 2016 / 19 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**AUDIT ORGANISASI, AUDIT KENDIRI SASARAN UNIT AUDIT DALAM UUM - KUISAS**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Apakah peranan juruaudit di zaman yang penuh cabaran dan ledakan transformasi kini?

Menyedari pentingnya tanggungjawab juruaudit dalam organisasi serta mengenal pasti isu dan penyelesaian audit ke arah membentuk suatu pengurusan organisasi yang cekap dan berintegriti serta memupuk budaya kerja yang sihat dan harmoni maka Unit Audit Dalam Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) Kuala Kangsar, Perak telah mengadakan lawatan kerja ke Unit Audit Dalam UUM baru-baru ini. Sesi taklimat dan perkongsian pengalaman telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre.

Ketua Unit Audit Dalam KUISAS, Fauzana Ahmad Rasli berkata, “lawatan kerja ini membolehkan kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa pengauditan sambil Discover UUM”.

Terdahulu, 8 delegasi KUISAS telah diperkenalkan tentang UUM di rimba hijau supaya kedamaian di kampus ini dapat memberi inspirasi yang bernas selepas kepulangan

delegasi tersebut ke KUISAS. Mereka juga turut dibawa menaiki trem sambil menikmati kehijauan kampus UUM yang indah, nyaman dan mendamaikan.

“Sambutan yang sangat baik lagi mesra diterima daripada UUM”,

“Tahniah!” kata Fauzana.

Dalam pada itu, wakil Ketua Unit Audit Dalam UUM, Shukri Md. Saad menjelaskan bahawa lawatan 2 dalam 1 KUISAS adalah permulaan yang positif bagi meningkatkan keupayaan kedua-dua pihak melaksanakan pengauditan di samping dapat berkongsi teknik serta kaedah pengauditan yang digunakan supaya sentiasa mencapai standard yang ditetapkan.

Tambahnya lagi, antara perkara yang menarik perhatian delegasi dari KUISAS ialah berkenaan pelaksanaan Pengauditan Kendiri (self audit) yang telah dilaksanakan di UUM bagi membolehkan PTJ menilai sendiri tahap pematuhan terhadap pengurusan kewangan di PTJ masing-masing dengan penyeliaan yang minimum dari Unit Audit Dalam UUM.

Bahkan, pihak Audit Dalam KUISAS juga bercadang untuk turut melaksanakan Pengauditan Kendiri di KUISAS dengan menggunakan model yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam UUM.

Selain itu, peranan Unit Audit pada masa kini tidak lagi terbatas kepada Pengauditan Kewangan dan Pengauditan Pengurusan sahaja tetapi turut merangkumi Auditan Penyiasatan dan Pengauditan Sistem yang melibatkan penggunaan teknologi terkini dalam proses pengauditan supaya Laporan Audit yang dihasilkan akan lebih komprehensif bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat dalam pengurusan kampus.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)

